

Saringan rawak air kencing penuntut USIM

Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini, akan menjalankan ujian air kencing secara rawak terhadap pelajar baru bagi mengekang penyalahgunaan dadah di universiti itu.

Ujian berkenaan akan dilakukan terhadap pelajar sesi kemasukan September depan dan mendapat kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dengan diawasi kaunselor USIM.

Naib Canselornya, Datuk Dr Musa Ahmad berkata, langkah itu antara usaha pihaknya mengelakkan pelajar terjebak dalam najis dadah.

Menurutnya, USIM sebuah universiti berteraskan naqli dan aqli mahu ujian berkenaan dilaksanakan di peringkat awal bagi memastikan kampus bebas daripada sebarang bentuk penyalahgunaan dadah.

"Kebanyakan kes penyalahgunaan dadah bermula di luar kampus dan kami

tidak mahu pelajar terjebak dalam gejala itu yang boleh menjatuhkan reputasi universiti," katanya ketika sidang media selepas majlis perasmian Program Kampus Bebas Dadah di sini, semalam.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) AADK Azizan Ariffin berkata, pihaknya mahu lebih banyak universiti awam dan sekolah menganjurkan program demikian bagi meningkatkan kesedaran pelajar mengenai bahaya penyalahgunaan dadah.

"AADK memberi tumpuan terhadap pelajar kerana mereka antara golongan yang sering menjadi sasaran pengedar dadah.

"Dadah sintetik seperti ecstasy bahaya kerana boleh memberi kesan buruk kepada pengguna. Ia antara dadah yang sering dijual kepada pelajar kerana murah dan mudah didapati," katanya.



AZIZAN (kanan) pada majlis perasmian Program Kampus Bebas Dadah di USIM.